

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7246

SOALAN:

DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meluluskan kembali pembinaan IPD baru di Padang Besar memandangkan IPD lama sudah tidak sesuai lagi dari segi keadaan tempat kerja dan keadaan fasiliti serta peralatan kepolisian yang terhad. Begitu juga dengan balai-balai polis di beberapa tempat di Padang Besar perlu dinaiktaraf dengan kadar segera kerana keadaan yang daif dan tidak sesuai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Besar yang dicadangkan di atas tapak 3 lot tanah iaitu Lot 615 dan Lot 616 (tapak IPD sedia ada) dengan luas keseluruhan 6 ekar yang meliputi pembinaan bangunan pentadbiran yang baru serta lain-lain komponen. Manakala bagi pembinaan Kompleks Perumahan Pegawai dan Anggota di IPD Padang Besar, akan dibina di atas Lot 2014 iaitu tapak Unit Kawalan Keselamatan (UKK) sedia ada, seluas 21 ekar. Antara kemudahan yang disediakan adalah elemen teknologi hijau untuk sistem lampu dan hawa dingin. Lapang sasaran tertutup dan juga kemudahan lokap yang dilengkapi dengan CCTV. Ibu Pejabat Polis Daerah baru ini akan mempunyai fasiliti moden dan peralatan baru sekiranya diluluskan kelak.

Pembangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Padang Besar yang baru akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11) kepada Pihak EPU.